

Lembaran Pendedahan Produk – Allianz Kasih Hayat

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membeli pelan Allianz Kasih Hayat. Sila pastikan bahawa anda membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

Institusi Kewangan : Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

Nama Produk : Allianz Kasih Hayat

1) Produk ini berkenaan apa?

Ini adalah pelan insurans tanpa periyertaan dengan premium kerap yang menyediakan perlindungan insurans manfaat kematian sehingga Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 71 tahun (harijadi terdekat). Ia membayar suatu jumlah keseluruhan jika Orang yang Diinsuranskan meninggal semasa tempoh polisi ini. Anda hanya dibenarkan membeli satu polisi untuk satu hayat.

2) Apakah pelan/manfaat yang boleh didapati?

Terdapat 2 pelan, seperti berikut:

| Manfaat | Pelan 1 | Pelan 2 |
|------------------|----------|----------|
| Manfaat Kematian | RM10,000 | RM20,000 |

3) Berapakah Premium yang saya perlu bayar?

Premium yang perlu anda bayar adalah bergantung kepada umur harijadi terdekat pada setiap Pembaharuan Polisi Orang yang Diinsuranskan dan pelan yang dipilih.

| Umur Kemasukan | Premium Tahunan | |
|----------------|-----------------|--------------|
| | Pelan 1 (RM) | Pelan 2 (RM) |
| 18 - 40 | 38 | 58 |
| 41 - 50 | 76 | 132 |
| 51 - 60 | 175 | 332 |
| 61 - 70 | 427 | 834 |

Kadar premium adalah tidak terjamin. Kami mempunyai hak mengubah kadar premium dengan memberikan notis bertulis tiga (3) bulan sebelum Pembaharuan Polisi

4) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen maksimum yang dibayar kepada perantara yang dicaj kepada Premium Anda ialah sepuluh peratus (10%).

5) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti menyatakan semua fakta penting (seperti keadaan perubatan) dan menyatakan umur Orang yang Diinsuranskan dengan betul.
- Tempoh Percubaan** - Anda berhak membatalkan polisi anda dengan mengembalikannya dalam masa lima belas (15) hari selepas anda telah menerima polisi anda. Jumlah Premium yang telah dibayar oleh anda (setelah ditolak sebarang perbelanjaan perubatan) akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh Penangguhan** - Anda diberi tempoh penangguhan selama tiga puluh satu hari (31) untuk membayar premium anda di mana polisi anda masih lagi berkuatkuasa.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap di bawah Pelan ini.

6) Apakah pengecualian utama di bawah Pelan ini?

Pelan ini tidak melindungi kematian akibat membunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian. Polisi ini akan menjadi tidak sah dan kami akan memulangkan premium yang telah dibayar tanpa faedah di bawah polisi ini.

Lembaran Pendedahan Produk – Allianz Kasih Hayat

7) Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi suatu notis bertulis kepada kami. Pembelian Polisi insurans hayat adalah satu tanggungan jangka masa panjang. Tiada nilai serahan tunai semasa pembatalan polisi ini.

8) Apakah perlu saya buat sekiranya maklumat hubungan saya telah bertukar?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami untuk mengemaskini maklumat hubungan terbaru anda termasuk alamat rumah anda dan alamat rumah penama dan/atau pemegang amanah anda, sekiranya ada, bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda atau penama dan/atau pemegang amanah anda pada masa yang tepat.

9) Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?

Bukti umur Orang yang Diinsuranskan diperlukan sebelum mana-mana pembayaran manfaat di bawah polisi yang diterbitkan berikutan permohonan ini kecuali umur telah diakui sebelum ini dan disahkan oleh kami sebagai betul. Anda boleh melayari www.allianz.com.my untuk panduan tuntutan. Anda dinasihatkan supaya mengemukakan tuntutan anda (jika ada) kepada kami secepat mungkin.

10) Perlukah saya melantik seorang penama?

Anda dinasihatkan untuk melantik sekurang-kurangnya seorang penama dan pastikan penama tersebut dimaklumkan akan lantikan tersebut bagi memudahkan pembayaran wang polisi yang akan dibayar atas kematian Orang Diinsuranskan. Kegagalan untuk membuat penamaan boleh melambatkan pembayaran wang polisi tersebut.

11) Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada buku insurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau melayari www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:
Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (104248-X)
(dilesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)
Customer Service,
Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Allianz Contact Center: 1-300-88-1028
Faks: +603-2264 8499
Emel: customer.service@allianz.com.my

12) Perlindungan lain seumpama yang ditawarkan.

Sila hubungi kami sekiranya anda berminat untuk mengetahui tentang perlindungan yang serupa yang ditawarkan oleh kami.

Lembaran Pendedahan Produk – Allianz Kasih Hayat**NOTIS PENTING:**

ANDA MESTI MEMILIH JENIS PELAN YANG SESUAI DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Notis penting lain:

1. Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan Anda dan premium yang dibayar untuk polisi ini adalah jumlah yang Anda mampu bayar.
2. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama untuk Polisi Anda dan memastikan penama menyedari Polisi yang Anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan akan menanggunghkan pembayaran wang Polisi kepada pewaris Anda.
3. Perlindungan insurans ini hanya berkuatkuasa dari Tarikh Polisi atau Tarikh Permulaan, yang mana terkemudian.
4. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
5. Jangka masa standard yang diperlukan oleh Kami untuk mengeluarkan Polisi adalah enam (6) hari bekerja daripada tarikh penyerahan Borang Permohonan dengan syarat dokumen yang lengkap diterima dengan pembayaran dan Kami berpuas hati bahawa penyiasatan selanjutnya tidak diperlukan.
6. Penggantian Polisi sedia ada dengan Polisi yang baru mungkin tidak membawa manfaat. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
7. Pelan ini mungkin memenuhi syarat untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negara.
8. Lembaran Pendedahan Produk ini bukan satu Kontrak Insurans. Penerangan bagi perlindungan yang diliputi hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai dinyatakan di dalam kontrak Polisi.
9. Berikutan penguatkuasaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015, Kami akan mengenakan GST kepada anda pada kadar 6% atau pada kadar semasa ke atas bahagian premium/yuran/caj insurans anda yang berkenaan untuk tempoh perlindungan insurans daripada tarikh perlaksanaan GST, selaras dengan keperluan perundangan GST.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah pada Tarikh Terbitan Polisi ini.